

Kesan Sejarah Dan Tempat-Tempat Menarik

**Negeri Sabah
Negeri Di Bawah Bayu**

Mohamed Roselan Abdul Malek



Oscar Book International

Gambar-gambar foto di muka-muka surat 2 - 4 adalah dengan ihsan Jabatan Penerangan Malaysia, 47, 54, 56, 58, 59, 61, dengan ihsan Perpustakaan Negeri Sabah.

© Oscar Book International
Cetakan Pertama 1998

OSCAR BOOK INTERNATIONAL
37 A, JALAN 20/16,
PARAMOUNT GARDEN,
46300 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohamed Roselan Abd. Malek

Negeri Sabah Di Bawah Bayu / Mohamed Roselan Abd. Malek.

(Siri kesan sejarah dan tempat-tempat menarik)

ISBN 967-941-337-3 (set)

ISBN 967-941-350-0

1. Sabah--History. 2. Sabah--Description and travel. I. Judul II. Siri
959.521

Dicetak Oleh:

Peracetakan Soonly Trading

No: 10, Jalan BS 7/10,

Kawasan Perindustrian Bukit Serdang,

43300 Seri Kembangan,

Selangor Darul Ehsan.

APB 949441

**NASKHAT PEMERLIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

29 AUG 1998



PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH

sabah state library

Surat Kami:

Surat Tuan:

Tarikh: 24hb. November, 1997



Kata-Kata Aluan

Saya berasa bangga kerana diberi penghormatan untuk memberi sepatah dua kata mengenai penerbitan buku bersiri ini.

Kesemua 13 buah negeri di Malaysia mempunyai kesan-kesan sejarah yang unik dan tersendiri di samping tempat-tempat menarik yang seharusnya dikenali dalam catatan sejarah. Saya percaya tepat pada masanya buku seumpama ini diterbitkan memandangkan kekurangan penerbitan dalam Bahasa Malaysia.

Saya berharap agar buku bersiri ini bukan sahaja menjadi bahan rujukan bahkan pengguna dapat mengenali tempat-tempat yang bersejarah dan menarik dalam negeri-negeri di Malaysia.

Syabas saya ucapan kepada **OSCAR BOOK INTERNATIONAL** di atas usaha-usaha yang dicurahkan untuk menerbitkan buku bersiri ini.

DATUK ADELINE LEONG

ADK, ASDK, AMN, PGDK

Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah.

"ZAMAN REMAJA SEKALI SAHAJA. JANGAN PERSIA-SIAKANNYA DENGAN DADAH"

PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH, Beg Berkunci 2023, 88572 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

TELEFON: PEJABAT AM - 088-54333, 54243, 54493

TELEX: SASLIB MA 80236

FAX: 088-233167

KANDUNGAN


	<i>Muka Surat</i>
Peta	1
Bendera & Lambang	2
Yang di Pertua	3
Ketua Menteri	4
Sejarah Ringkas Sabah Negeri Di Bawah Bayu	5
Kota Kinabalu	15
Masjid Negeri	17
Kompleks Yayasan Sabah	19
Sandakan	20
Kudat	22
Papar	24
Tenom	26
Gunung Kinabalu	28
Taman Negara Tunku Abdul Rahman	30
Taman Perlindungan Orang Hutan Sepilok	32
Pulau Manukan	35
Kota Mat Salleh	37
Tawau	40
Pulau Silingan	42
Batu Berukir Ulu Bekuku	44
Perpustakaan Negeri Sabah	47

PETA

Negeri Sabah Negeri Di Bawah Bayu



Bendera Sabah Negeri Di Bawah Bayu



Lambang

Lambang-lambang tersebut di bawah menggambarkan keteguhan dan semangat cintakan negeri dan negara bagi setiap rakyat. Lambang-lambang ini juga mengingatkan kita tentang perjuangan silam pemerintah-pemerintah terdahulu untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia.

Lambang Negeri Sabah Negeri Di Bawah Bayu




- Dua tangan menjunjung bendera Negeri Sabah melambangkan perpaduan dan kerjasama rakyat berbilang kaum demi kemajuan dan kejayaan.
- Bentuk Gunung Kinabalu melambangkan Negeri Sabah.
- Lima jenis warna melambangkan lima Bahagian di Negeri Sabah.
- Warna biru zirkon melambangkan keamanan dan ketenteraman.
- Putih melambangkan kemurnian dan keadilan.
- Warna merah cili melambangkan keberanian dan keyakinan.
- Warna biru salji melambangkan perpaduan dan kemakmuran.
- Warna nilakandi melambangkan kekuatan dan semangat kerjasama.

YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH



Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah
Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran Dandai
S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.P.(SARAWAK),
D.U.N.M.(MELAKA), P.G.D.K., A.D.K., J.P.

KETUA MENTERI NEGERI SABAH



Yang Amat Berhormat
Datuk Yong Teck Lee
P.G.D.K., P.J.N.

SEJARAH RINGKAS SABAH NEGERI DI BAWAH BAYU

Sabah, Negeri Di Bawah Bayu merupakan negeri yang kedua terbesar di Malaysia selepas Sarawak. Negeri ini terletak di tengah-tengah Kepulauan Melayu yang luas terbentang, dilingkungi oleh pantai indah sepanjang 1577 kilometer dari Labuan ke Tawau.

Negeri Sabah bersempadan dengan Brunei Darussalam, Sarawak di sebelah barat dan Kalimantan di sebelah selatan. Sabah terpisah dari Semenanjung Malaysia kira-kira 160 kilometer oleh Laut China Selatan. Ibu negeri Sabah ialah Kota Kinabalu.

Negeri ini juga terkenal dengan Gunung Kinabalu. Gunung Kinabalu mempunyai ketinggian 4101 meter adalah gunung yang tertinggi di Malaysia dan juga di Asia Tenggara. Gunung ini juga merupakan yang kelima tertinggi di dunia.

Negeri Sabah dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu Pantai Barat, Pedalaman, Tawau, Sandakan dan Kudat. Bahagian ini dibagi pula kepada 30 daerah. Antara daerah-daerah yang terkenal ialah Papar, Penampang, Keningau, Sipitang, Tuaran, Kota Kinabalu, Tawau, Semporna, Kota Belut dan Sandakan.

Perairan Sabah merangkumi kawasan Laut China Selatan di sebelah barat dan utaranya, Laut Sulu dan Sulawesi di sebelah timur.

Keluasan Sabah ialah 73,711 kilometer persegi dengan muka bumi yang bergunung-ganang dan ditumbuhi oleh hutan belantara.

Menurut catatan sejarah, Pulau Borneo termasuk Sabah sudah didiami oleh manusia sejak 40,000 tahun dahulu sebelum Masihi. Ini adalah berdasarkan daripada penemuan bahan-bahan purba yang terdapat di Gua Niah.

Nama Sabah telah digunakan sejak akhir abad yang ke-14 oleh pelaut-pelaut dan pedagang-pedagang yang mengembala di antara Kepulauan Suku dan Brunei.

Kawasan yang dinamakan Sabah sekarang juga disebut sebagai 'Api-api'. Sebuah peta lama pada kurun ke-16 menyebut kawasan Sabah sebagai '*Fire Islands*' (Pulau Api). Ini mungkin kerana terdapatnya lumpur gunung berapi di Pulau Tiga (di antara Pulau Labuan dengan Kota Kinabalu).

Asal-usul nama Sabah dikaitkan dengan perkataan 'Saba' iaitu sejenis pisang yang bernama pisang saba. Di Semenanjung Malaysia, pisang saba lebih dikenali sebagai pisang nipah. Pisang saba ini juga dikenali sebagai 'pisang jaba' oleh masyarakat Bajau.

Pada masa itu, orang-orang yang mendiami di sekitar persisiran pantai barat Sabah itu dikatakan kebanyakannya menanam pokok pisang saba sebagai makanan mereka selain padi.

Berasaskan kepada keadaan inilah maka negeri itu dinamakan 'Saba'. Akhirnya mengikut pelat masyarakat setempat, perkataan 'Saba' telah menjadi 'Sabah' dan kekal sehingga hari ini.

Nama Sabah juga pernah dikenali sebagai 'saludang'. Nama 'saludang' ini disebut dalam 'Syair Jawa' karangan Prapancha, Nagara Kertagama (1365). Ada keterangan yang menunjukkan bahawa pusat negeri Saludang itu terletak di antara kawasan Teluk Marudu, ke Tanjung Bangkoka hingga ke Jambongan.

Catatan penulis Inggeris yang mengarang '*Sabah and Shaba*', Maxwell Hall membandingkan Sabah dengan 'Shaba' di Yaman. Katanya, kedua-dua perkataan itu sedap didengar dan dikaitkan dengan bau-bauan yang wangi, rempah-ratus, emas dan permata yang terdapat pada zaman Raja Sulaiman.

Hall menyatakan nama 'Sabah', 'Saba', 'Sebca' dan 'Shaba' adalah ejaan yang berlainan bagi nama yang sama.

Ada juga pendapat yang mengatakan nama Sabah berasal daripada perkataan Arab tetapi ada juga yang berpendapat bahawa nama Sabah itu adalah nama tempatan yang maknanya tidak dapat dikenalpasti.

Namun begitu, nama Sabah terdapat dalam sejarah Brunei. Ini berlaku apabila Baron Gustav Von Overbeck diberi kuasa menakluk oleh Sultan Brunei pada tahun 1877. Salah satu gelaran yang dianugerahkan kepadanya ialah 'Maharaja Sabah'.

Nama Sabah tidak digemari oleh oran-orang Eropah kerana bagi mereka, perkataan itu mengandungi unsur ke Araban. Oleh sebab itu, Chartered Company yang memerintah Sabah pada suatu masa dahulu menukar nama negeri ini dengan nama pilihan mereka iaitu *North Borneo*.

Bagaimanapun, nama Sabah digunakan semula dengan rasmi setelah Sabah merdeka dan menjadi sebahagian daripada Malaysia pada tahun 1963.

Dalam kurun ke-19, Sabah adalah di bawah jajahan takluk Sultan Brunei iaitu Sultan Abdul Mu'min. Pada masa pemerintahan baginda, kerajaan British tidak berminat ke atas Sabah.

Pada anggapan British, Sabah tidak mempunyai apa-apa keistimewaan yang menjadi daya penarik kepada kuasa-kuasa besar kecuali hutan belantara yang tebal.

British lebih berminat terhadap kawasan-kawasan di sekitar Kepulauan Borneo. Bagaimanapun pendirian British itu tidak kekal lama. Kedatangan Amerika Syarikat ke Sabah telah mengubah dasar British.

Pada tahun 1865, Amerika Syarikat ingin memajak tiga buah daerah di Sabah iaitu Ambong, Marudu dan Kimanis. Oleh itu, suatu perjanjian telah ditandatangani antara pihak Amerika dengan Sultan Brunei. Amerika terpaksa membayar

wang sebanyak 9000 paun kepada Sultan Brunei tiap-tiap tiga tahun sebagai wang sewaan.

Tindakan Amerika ini tidak disenangi oleh British. British takut Amerika akan menjadi saingan yang kuat di rantau Asia Tenggara dan menjadi musuh ketatnya. British mula menyusun strategi mereka untuk campur tangan dan seterusnya mengambil Sabah secara perlahan-lahan.

Tiga buah daerah yang dipajak Amerika itu kemudian diserahkan kepada Joseph William Torrey. Torrey telah diberi kuasa oleh Sultan Brunei untuk mentadbir kawasan-kawasan yang dipajak oleh Amerika itu.

Torrey juga diberi kuasa untuk menghukum pesalah-pesalah, membuat undang-undang, membuat mata wang sendiri dan lain-lain lagi.

Torrey telah memajukan kawasan tersebut dan membina sebuah pekan kecil yang diberi nama Ellena. Sebilangan besar penduduk yang tinggal di sini ialah orang-orang Cina dan Amerika.

Setelah beberapa lama tinggal di situ, Torrey mula bosan. Beliau berharap ada orang lain yang ingin memajak kawasan itu daripada Sultan Brunei.

Kemudian pada tahun 1877, seorang berbangsa Austria bernama Baron Von Overbeck telah membeli hak-hak jajahan Torrey daripada Sultan Brunei. Sebelum pergi berjumpa Sultan Brunei, Torrey bersama-sama Baron telah pergi ke Pulau Labuan untuk berjumpa dengan Gabenor Pulau Labuan iaitu William Hood Treacher dan Konsul Agung British bagi Bornéo.

Beliau menceritakan rancangannya hendak menubuhkan sebuah kompeni dan Treacher telah bersetuju dengan hasrat beliau itu. Beliau telah mengenakan beberapa syarat yang mana kompeni itu hendaklah bercorak British dan daerah-daerah kepunyaan kompeni tidak boleh diserahkan kepada bangsa lain melainkan mendapat persetujuan daripada British.

Setelah itu, Baron pergi ke Brunei untuk membuat perjanjian

dengan Sultan Brunei. Oleh itu, jajahan yang di bawah Torrey itu diserahkan kepada Baron.

Pada tahun 1878 pula; Baron, Torrey dan Treacher telah pergi ke Pulau Sulu untuk menghadap Sultan Sulu. Sultan Sulu bersetuju untuk menyerahkan semua wilayah kepunyaan buginda di Sabah. Menurut perjanjian itu, Baron dikehendaki membayar RM 5,000 setahun kepada Sultan Sulu.

Di Sandakan, Baron telah melantik rakanannya, William Pryer menjadi residen. Sebagai residen yang pertama, Pryer ialah orang yang bertanggungjawab memajukan Sandakan.

Dalam tahun 1879, William Pryer telah berpindah ke tempat lain kerana rumahnya terbakar. Kawasan baru itu diteroka kerana tempat itu adalah hutan tebal.

Di kawasan hutan itu terdapat pokok-pokok besar. Memandangkan kayu-kayu itu sangat berguna kepada manusia, kayu-kayu itu dijual. Lama-kelamaan, kawasan itu menjadi bandar yang dinamakan 'Elopura', yang kemudiannya menjadi bandar utama di Sabah.

Pryer ialah orang yang pertama menjalankan perniagaan kayu balak ke luar negeri. Semenjak itu, Sabah mula mengeksport kayu balaknya ke luar negeri.

Dengan itu, 3 buah daerah di Sabah yang dahulunya dipajakkkan kepada Amerika kini jatuh ketangan British. Amerika kemudiannya sedar bahawa mereka kehilangan wilayah itu. Amerika berusaha untuk mendapatkan daerah-daerah itu kembali. Pada tahun 1880, Amerika menuntut hak mereka ke atas Sabah dan membantah pengambilan Sabah oleh pihak British North Borneo Company. Walau bagaimanapun, usaha mereka itu gagal.

Pada tahun 1881, William Treacher dilantik pula menjadi Gabenor Borneo Utara (Sabah) yang pertama. Sebagai gabenor, banyak pembaharuan dilakukan oleh Treacher. Beliau telah berusaha agar kapal-kapal dari Singapura datang ke pelabuhan di Sabah.

Pada tahun 1894, suatu kekacauan meletus di Sabah. Kekacauan ini ditimbulkan oleh seorang panglima yang bernama Mat Salleh. Mat Salleh ialah ahli perniagaan dan pemerintah daerah Sungai Sugut sebelum Sultan Sulu menyerahkan kawasan itu kepada British.

Kekacauan yang berlaku pada tahun 1894 itu berpunca daripada terbunuhnya dua orang peniaga Dayak. Pembunuhan ini dilakukan oleh pengikut Mat Salleh.

Mereka juga memungut cukai daripada sesiapa sahaja yang belayar di Sungai Sugut. Berita ini diadukan oleh Haji Otang, seorang kerani dari Pulau Jambongan kepada British. Mat Salleh telah dipanggil oleh British tetapi beliau tidak mengaku melakukan perbuatan itu. Oleh itu, pada tahun 1895, beliau telah pergi ke Sandakan untuk bertemu dengan Gabenor British tetapi gabenor tidak ada. Tujuannya adalah untuk menerangkan kedudukan yang sebenar.

Apabila Gabenor British, Creagh balik ke Sandakan, Mat Salleh diperintahkan supaya ditangkap dan didapati Mat Salleh bersalah. Beliau didapati melindungi orang yang membunuh peniaga yang berbangsa Dayak itu.

Walau bagaimanapun, Mat Salleh enggan menyerah diri. Akibatnya kampung Mat Salleh diserang oleh askar-askar Inggeris dan merampas beberapa barang kepunyaan Mat Salleh.

Mat Salleh amat marah dengan tindakan mereka itu. Beliau mengumpulkan senjata dan pengikut-pengikutnya untuk menyerang balas. Berita Mat Salleh hendak menyerang British itu telah sampai ke pengetahuan gabenor.

Oleh itu, British telah menghantar askar yang dipimpin oleh Raffles Flint untuk menangkap Mat Salleh. Dalam serangan itu, pasukan British telah kalah.

Kekalahan Flint menyebabkan kerajaan British Borneo Utara yang memerintah Sabah telah melancarkan tindakan yang lebih hebat untuk menangkap Mat Salleh. Malangnya pasukan ini juga kalah teruk.

Mat Salleh juga telah melancarkan serangan ke Pulau Gaya

yang terletak berhampiran dengan Sandakan pada bulan Julai 1897. Mereka telah merampas barang-barang dan senjata. Mat Salleh mendapat bantuan orang-orang Bajau. Serangan ini menyebabkan kerajaan British dan peniaga Cina mengalami kerugian besar.

Peristiwa serangan Mat Salleh ini telah sampai ke pengetahuan Hewett, Pemangku Residen Pantai Barat. Hewett telah melengkapkan bala tenteranya dan terus menyerang Inanam, kampung Mat Salleh.

Mat Salleh telah bersedia dengan kubunya yang kuat dan teguh sehingga sukar Hewett menembusinya. Hewett meminta bantuan daripada Sandakan. Setelah bantuan sampai, barulah kubu Mat Salleh dapat ditembusi. Mat Salleh mlarikan diri.

Kekalahan itu membuatkan Mat Salleh semakin bersemangat untuk terus berjuang. Dari Pulau Gaya, Mat Salleh mlarikan diri ke Ranau. Di Ranau, beliau membina sebuah kubu yang lebih kuat dan teguh. Pengikut-pengikutnya juga bertambah banyak.

Apabila British mengetahui hal ini, mereka menyerang Ranau pada Disember 1897. Kubu Mat Salleh dikepung. Mereka memotong bekalan air dan banyak yang menderita kerana kehausan.

Kelemahan orang-orang Mat Salleh ini menyebabkan British akhirnya berjaya masuk ke kubu beliau. Pertempuran sengit pun berlaku. Bagaimanapun, tentera British kalah dan terpaksa berundur.

British sekali lagi mengatur serangan pada tahun 1898. Dalam serangan kali ini, British berjaya memusnahkan kubu dan Mat Salleh terpaksa mlarikan diri.

Sebagai jalan penyelesaian, William Clark Cowie mencadangkan agar semua jenayah yang dilakukan oleh Mat Salleh diampunkan walaupun mendapat tentang daripada pegawai British lain.

Pada Mei 1898, suatu mesyuarat diadakan antara William Clark dengan Mat Salleh. Menurut syarat yang dibentangkan,

pihak British sedia mengampunkan kesalahan Mat Salleh. Pihak British juga membenarkan Mat Salleh tinggal di Lembah Tambunan dan menjadi ketua di situ dan tidak boleh pulang ke tempat asalnya di Inanam. Mat Salleh bersetuju.

Tidak lama kemudian, Mat Salleh mendirikan sebuah kubu yang amat kuat dan lebih besar di Ranau. Mat Salleh telah menyerang orang-orang Tambunan.

Sekali lagi pihak British mengajak Mat Salleh berdamai. Mesyuarat diadakan di Menggatal. William Clark Cowie mengetuai rundingan itu.

Pada 23 April 1898, perjanjian itu ditandatangani antara pihak British North Borneo Company dengan Mat Salleh di Menggatal. Mat Salleh dibenarkan tinggal di Tambunan.

Sekali lagi Mat Salleh membina kubu yang kuat dan kukuh seolah-olah Mat Salleh telah melanggar syarat perjanjian. Oleh itu pada tahun 1899, British telah melancarkan serangan ke atas Mat Salleh yang diketuai oleh Kapten Harrington. Beliau bimbang Mat Salleh akan melakukan kekacauan lagi. Dalam serangan itu, British berjaya mengalahkan Mat Salleh. Banyak orang Mat Salleh terbunuh.

Kemudian pada 31 Disember, Kapten Harrington mara pula ke Tambunan. Kapten Harrington telah menyerang dan menawan kubu Mat Salleh di Tibaba. Namun demikian, ini tidak mematahkan semangat beliau untuk terus mempertahankan kubunya.

Pertempuran itu berterusan sehingga 31 Januari, 1900. Ketika Mat Salleh sedang berjalan keluar dari kubunya, dengan tidak disangka-sangka beliau ditembak oleh askar British. Mat Salleh mati serta-merta. Dengan demikian berakhirlah perjuangan Mat Salleh demi mempertahankan hak beliau dari dicerobohi British.

Sementara itu, Hugh Clifford telah mengisi kekosongan jawatan Gabenor Negeri Sabah. Gabenor Beaufort telah meletakkan jawatan. Clifford terpaksa mengambil alih tugas

memburu pengikut-pengikut Mat Salleh. Kerajaan British terus memerintah Sabah.

Pada tahun 1942, Sabah telah diserang oleh Jepun. Tentera Jepun berjaya menakluki seluruh Sabah pada Mei 1942.

Ketika Jepun memerintah, Sabah dibahagikan kepada dua risedensi yang dinamakan mengikut nama Jepun. Residensi pantai barat termasuk Kudat dan daerah pedalaman dinamakan Seikei Shiu dan residensi Sandakan dan Tawau dinamakan Tokai Shiu.

Kekejaman tentera Jepun menyebabkan banyak penduduk tempatan terkorban. Oleh kerana tidak tertahan lagi menerima segala bentuk kekejaman dan penindasan, rakyat Sabah telah bangkit menentang Jepun.

Mereka menu buhkan suatu pasukan yang dipanggil Gerila Kinabalu pada 21 September 1943. Orang yang menu buhkan pasukan gerila ini bernama Kwok Hing Nam atau Albert Kwok. Beliau ialah doktor yang dilahirkan di Sarawak dan mendapat pendidikan di China.

Serangan demi serangan telah dilakukan. Mereka berjaya menawan bandar Tuaran pada 9 Oktober 1943. Di Menggatal, mereka menyerang balai polis dan membunuh 30 tentera Jepun. Mereka juga menawan Kota Kinabalu.

Kemenangan di pihak Albert Kwok ini sangatlah membanggakan rakyat Sabah kerana dapat mengusir orang-orang Jepun dari bumi Sabah. Orang Jepun tidak menyangka bahawa rakyat Sabah begitu berani. Jepun menganggap kekalahan mereka itu menjatuhkan maruah mereka sebagai kuasa timur yang terkuat.

Oleh itu pada 13 Oktober 1943, askar Jepun telah menyerang Kota Kinabalu dengan menggunakan bom. Orang-orang Albert Kwok tidak berdaya menentang tentera Jepun dan terpaksa melarikan diri ke Penambang. Mereka diberi perlindungan oleh Chong Fu Kui, seorang peniaga runcit.

Tidak lama kemudian, tempat persembunyian Albert Kwok diketahui oleh Jepun. Tentera Jepun segera mengepung kawasan

itu. Demi keselamatan penduduk kawasan itu, Albert Kwok telah menyerah diri. Albert Kwok dan beberapa orang pemimpin lain telah diarak di sekitar Kota Kinabalu sebelum dihukum bunuh.

Pada tahun 1945, Amerika Syarikat telah memusnahkan dua buah bandar Jepun iaitu Hiroshima dan Nagasaki dengan bom atom. Dengan itu Jepun menyerah kalah kepada tentera Berikat dan berakhirlah Perang Dunia Kedua.

Sabah diperintah oleh British semula tetapi di bawah pentadbiran Tentera British (British Military Administration). Akhirnya pada 15 Julai 1946, Pemerintah Pentadbiran British bersetuju menyerahkan negeri Sabah kepada pemerintahan awam.

Pada Jun 1947, Jesselton dijadikan ibu negeri Sabah. Suatu corak pentadbiran baru telah dibentuk. Banyak pemimpin Sabah telah dilantik dalam pentadbiran yang baru ini.

Pada 31 Ogos 1963, corak pemerintahan Sabah telah dirombak dan digantikan dengan kaedah kementerian. Dalam peraturan baru ini, Sabah mempunyai seorang Ketua Menteri dan enam orang menteri. Datu Mustapha bin Datu Harun dilantik sebagai yang Dipertua Negeri Sabah.

Pada 16 September 1963, dengan rasminya Sabah menjadi sebahagian daripada Malaysia. Sejak itu, Sabah terus pesat membangun dan maju serta mewah dan makmur.



KOTA KINABALU

Kota Kinabalu ialah ibu negeri Sabah. Bandar ini terletak betul-betul di pinggir pantai, berhadapan dengan Pulau Gaya. Bandar ini ialah bandar pelabuhan bertaraf antarabangsa dan salah satu daripada pelabuhan penting dan besar di Malaysia.

Menurut catatan sejarah, apabila pusat pentadbiran Chartered Company di Pulau Gaya musnah dibakar oleh Paduka Mat Salleh pada tahun 1897, pihak Chartered Company berusaha mencari kawasaan tapak baru bagi menggantikan tapak bandar yang telah musnah itu.

Tugas ini diserahkan kepada pegawaiannya yang bernama Charles Jessel. Beliau telah mengenalpasti suatu kawasan pesisir pantai Singgah Mata di Teluk Sepanggar yang terletak di seberang Pulau Gaya sebagai tempat baru itu.

Pokok api-api tumbuh dengan subur di kawasan baru itu. Oleh itu bandar baru itu dinamakan Api-api.

Setelah bandar ini berkembang pesat, namanya ditukar kepada Jessel Town. Nama ini diambil sempena nama pegawai Inggeris yang ditugaskan membuka dan memajukan bandar ini, iaitu Sir Charles Jessel. Jessel Town kekal untuk beberapa tahun sebelum disingkatkan kepada 'Jesselton' sahaja.

Setelah Sabah merdeka dalam Malaysia, nama bandar ini diubah kepada Kota Kinabalu. Ini adalah sempena nama Gunung Kinabalu yang tertinggi di Asia Tenggara. Pertukaran nama ini bersesuaian dengan aspirasi sebuah negeri yang berdaulat. Pertukaran nama itu berkuatkuasa pada 22 Disember 1967, sesudah usulnya diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah.



MASJID NEGERI

Masjid Negeri Sabah sungguh cantik. Masjid ini dikatakan sebagai salah sebuah bangunan yang tercantik di Asia Tenggara. Masjid ini berharga RM 15 juta ringgit. Masjid ini terletak di suatu kawasan seluas 4.6 hektar persegi dekat Kampung Sembulan.

Kubah masjid ini merupakan salah satu kubah yang terbesar di dunia. Kubah itu berukuran 40 meter dan garisan lilit 22 meter. Tinggi menara masjid ini ialah 62.5 meter dengan mempunyai tiga pelataran dan puncaknya bersalut monasik keemasan.

Selain itu, terdapat juga 16 kubah kecil yang kesemuanya bersalut monasik keemasan. Di puncak menaranya, terletak ukiran bulan sabit dan bintang iaitu lambang keislaman sejagat.

Di kawasan masjid ini, terletak makam pahlawan yang mengandungi empat belas buah pusara dan di kelilingi oleh sebuah kolam. Satu lagi alat yang menarik ialah 'chandelier'

besar seberat empat tan buatan Itali digantung dari kubah besar.

Tingkat satu bangunan ini ialah dewan sembahyang dan galeri untuk wanita. Tingkat ini dapat menampung 4,000 orang jemaah sementara tingkat bawahnya pula dapat memuatkan 2,000 orang. Tingkat ini mengandungi dewan pelbagai guna, bilik persidangan, bilik resipi, bilik Imam dan perpustakaan.



KOMPLEKS YAYASAN SABAH

Kompleks Yayasan Sabah ialah bangunan ibu pejabat Yayasan Sabah setinggi 30 tingkat. Bangunan ini merupakan yang pertama di Asia yang mempunyai '*column free floors*' tergantung di atas sandaran keluli. Kompleks ini terletak di Teluk Likas, di pinggir bandar Kota Kinabalu.

Kompleks ini mengandungi sebuah auditorium yang dapat menampung 1,500 orang, sebuah dewan persidangan, panggung kecil, perpustakaan penyelidikan dan restoran berpusing.

Dari atas bangunan yang keseluruhannya berdinding kaca ini, kita dapat lihat panorama Kota Kinabalu dengan perairannya bersambung dengan Laut China Selatan.



SANDAKAN

Sandakan ialah bandar kedua terbesar di negeri Sabah. Pada zaman penjajahan Inggeris, bandar ini pernah menjadi ibu negeri Sabah. Bandar ini terletak dalam Bahagian Sandakan iaitu satu daripada bahagian yang terbesar kawasannya di negeri ini. Pantai Bahagian Sandakan menghadap ke Laut Sulu.

Sejarah bandar Sandakan banyak berkaitan dengan Kesultanan Melayu Sulu yang suatu ketika dahulu bersaing hebat dengan Kesultanan Melayu Brunei di pantai laut Borneo.

Pada 21 Jun 1879, William Pryer mengasaskan sebuah bandar baru iaitu Elopura di Bull Sim Sim. Sebelum tarikh itu, tercatat bahawa seorang pengembara dari Scotland berserta beberapa orang Jerman telah ditugaskan oleh Sultan Sulu untuk menghantar senapang dan peluru dari suatu penempatan orang Eropah yang dikenali sebagai Kampung Jerman. Kampung itu berdekatan dengan Pelabuhan Sandakan.

Sandakan dipercayai suatu nama dalam bahasa Sulu yang kemungkinan besar lahir daripada perkataan 'sandarkan'.

Maksudnya ialah tempat itu telah dipajakkan kepada orang Eropah sebagai pembalasan bagi sesuatu benda, kerja atau janji. Orang yang menganjurkan nama 'Sandakan' itu ialah Cowie, pegawai Kompeni Borneo Utara.

Kini bandar ini ialah bandar pelabuhan iaitu salah sebuah pelabuhan yang penting di Sabah. Keistimewaan Sandakan adalah kerana pengeluaran kayu balak yang terbesar di Malaysia.

Sandakan juga merupakan kawasan pengeluaran minyak kelapa sawit dan koko. Selain itu, Sandakan juga terkenal dengan hasil lautnya seperti ikan, udang dan juga mutiara.



KUDAT

Kudat terletak di bahagian utara Sabah. Jauhnya dari Kota Kinabalu ialah kira-kira 170 kilometer. Bandar yang terletak di tepi Laut Sulu ini pernah menjadi ibu negeri Borneo Utara British yang pertama. Selepas bandar Kudat diserang beberapa kali oleh lanun-lanun, pentadbiran Borneo Utara, ibu negeri telah dipindahkan ke Sandakan.

Kudat adalah antara salah sebuah daerah yang sedang pesat membangun. Kudat ialah bumi kelahiran Tun Datu Mustapha. Beliau ialah 'Bapa Kemerdekaan Sabah'. Tun Datu Mustapha ialah Yang Dipertua Negeri Sabah yang pertama.

Kudat terletak di persisiran pantai dan bentuk muka bumiannya tidak berbukit-bukau. Tanahnya subur, rata dan luas. Ini menjadikan Kudat sebagai kawasan penanaman kelapa yang utama di Sabah.

Sejarah awal Kudat bermula pada tahun 1881, apabila Kudat dijadikan ibu negeri pertama North Borneo (Sabah) oleh The Chartered Crown Colony sehingga pada tahun 1881. Kemudian, pusat pentadbiran ini dipindahkan ke Sandakan.

Pada ketika itu, pihak Inggeris berpendapat dan mengambil keputusan untuk memindahkan ibu negerinya ke Sandakan apabila kedudukan Kudat dianggap tidak sesuai bagi kepentingan Inggeris. Ini adalah disebabkan oleh kegiatan lanun-lanun yang mengganas serta mengganggu kapal-kapal perdagangan Inggeris di kawasan itu.

Keluasan Kudat adalah 1,287 kilometer persegi yang terdiri daripada Semenanjung Kudat, Pulau Banggi, Pulau Balambangan, Pulau Malawali dan beberapa buah pulau kecil dengan Laut China Selatan di sebelah barat. Di sebelah timur pula ialah Laut Sulu dan Teluk Marudu.

Sebahagian besar penduduk Kudat terdiri daripada kaum Rungus. Kebanyakan daripada mereka masih tinggal di dalam rumah panjang. Dalam bidang ekonomi mereka mempelbagaikan bidang pertanian iaitu dengan menanam kelapa, pisang, ubi kayu, getah dan padi.

Selain kaum Rungus, terdapat juga kaum lain seperti kaum Suluk, Benadan, Ubain dan Tambanua. Kebanyakan daripada mereka bekerja sebagai nelayan dan membina penempatan di kawasan persisiran pantai.

Tentera Jepun pernah menduduki Kudat pada 1 Februari 1942. Pada 4 April 1883 pula, sekumpulan lanun Hakka telah mendarat di daerah ini, iaitu selepas dua tahun dijadikan pusat pentadbiran Inggeris yang pertama. Daerah ini juga merupakan salah satu tempat penempatan awal anak tempatan penjajahan Inggeris di zaman Mat Salleh (1894-1900).

Daerah Kudat juga pernah melahirkan dua orang tokoh yang ulung iaitu Allahyarham Tun Haji Mohd Fuad Stephens, bekas Ketua Menteri Sabah yang pertama (1963-1964), kemudian menjadi Yang Dipertua Negeri yang ketiga (1973-1975) dan Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, seorang pemimpin gerila ketika pendudukan Jepun. Beliau juga adalah bekas Ketua Menteri yang ketiga (1967-1975) juga pernah menjadi Yang Dipertua Negeri Sabah (1963-1964).

Kudat juga mempunyai banyak tempat menarik seperti Pantai Bak-Bak yang terletak 10 kilometer dari pekan Kudat.



PAPAR

Papar terletak di bahagian selatan pantai barat Sabah. Papar terletak kira-kira 40 kilometer dari Kota Kinabalu.

Di sebelah timur daerah Papar, muka bumiannya berbukit-bukit. Di sebelah barat terdapat kawasan tanah pamah yang luas yang sesuai untuk pertanian.

Papar dianggap sebagai ‘periuk nasi’ Sabah kerana kawasan ini merupakan kawasan penanaman padi yang utama. Di samping padi, penduduk di daerah ini juga menanam tanaman-tanaman lain seperti getah, buah-buahan, koko, kelapa dan sayur-sayuran.

Bandar Papar terletak di tepi Sungai Papar. Bandarnya masih banyak mempunyai bangunan-bangunan lama. Penduduk Papar terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu Brunei, Bajau, Kadazan dan Cina.

Papar juga terkenal dengan kawasan yang menarik seperti Pantai Manis. Selain pantai yang putih bersih, Papar juga mempunyai anak bukit iaitu Bukit Tuminae. Mengikut ceritanya,

seorang manusia disumpah menjadi batu di atas bukit tersebut kerana membuang air besar di situ.

Papar juga terkenal dengan 'tamunya' (pasar minggu) yang diadakan pada setiap hari Ahad. Selain itu, Papar juga terkenal dengan hasil kraftangan, terutama anyaman mengkuang dan pandan.



TENOM

Tenom merupakan daerah yang agak terpencil di Sabah. Daerah ini mempunyai keluasan kira-kira 2,570 kilometer persegi dan terletak 40 kilometer dari bandar Kota Kinabalu.

Tenom juga disebut 'Taman' kerana mungkin kebanyakan tanaman di sini hidup subur terutama sekali sayur-sayuran. Bahkan kebanyakan sayur-sayuran yang dijual di Kota Kinabalu datangnya dari daerah ini.

Mengikut sejarah, nama Tenom diambil sempena mengenang jasa seorang pahlawan kaum Murut yang bernama Antenom. Setelah mengalami pelbagai proses bahasa, akhirnya 'Antenom' itu menjadi Tenom sahaja.

Kira-kira 60% daripada penduduk Tenom terdiri daripada kaum Murut manakala kaum lain ialah kaum Dusun dan sedikit Cina. Penduduk Tenom kebanyakannya tertumpu kepada sektor pertanian seperti perladangan getah dan buah-buahan. Tenom merupakan daerah pengeluar getah yang paling banyak di Sabah.

Tenom juga merupakan pengeluar buah limau manis yang utama serta pengeluar buah markisa yang paling bermutu di Sabah. Selain itu, Tenom merupakan pengeluar koko kedua terbanyak selepas Sandakan.

Selain itu, Tenom juga mempunyai tempat-tempat menarik seperti air terjun yang terletak di hulu Sungai Kalang, kira-kira 3 kilometer dari bandar Tenom. Di Tenom juga terdapat sebuah empangan hidroelektrik yang paling besar di Sabah.

GUNUNG KINABALU

Gunung Kinabalu ialah gunung yang tertinggi di Malaysia dan juga di Asia Tenggara. Gunung Kinabalu terletak di Kundasang, Sabah. Gunung Kinabalu ini mempunyai ketinggian 4,101 meter dari paras laut. Gunung ini terletak di bawah pengawasan Taman Negara Sabah.

Gunung Kinabalu menjadi lambang negeri Sabah dan menjadi kebanggaan setiap penduduk Sabah yang terdiri daripada pelbagai kaum. Setiap suku kaum, mengaitkan kepercayaan kaum masing-masing dengan Gunung Kinabalu.

Bagi masyarakat Dusun, suku kaum utama di Sabah, menganggap Gunung Kinabalu sebagai gunung keramat. Mereka percaya roh setiap orang yang mati akan pergi ke puncak Gunung Kinabalu.

Menurut cerita, Gunung Kinabalu berasal daripada nama Aki, seorang penghulu masyarakat Dusun yang tinggal di kaki gunung tersebut.

Aki adalah seorang penghulu yang baik, pengasih serta dihormati oleh anak-anak buahnya. Apabila tua, dia jatuh sakit lalu meninggal dunia.

Dua hari selepas Aki meninggal dunia, ada orang kampung melihat Aki berjalan mendaki gunung yang tinggi itu. Mereka percaya penghulu itu telah dipanggil oleh 'Kinoringin', Tuhan orang Dusun yang tinggal di syurga (Gunung Kinabalu).

Sejak peristiwa itu, masyarakat Dusun menamakan gunung itu 'Akinabahu' yang bererti tempat Aki bersemadi. Bagi masyarakat Dusun, Aki bererti 'Datuk'. Sebutan 'Akinabahu' lama-kelamaan berubah menjadi 'Akinabalu' dan kemudianya menjadi 'Kinabalu' dan kekal sehingga hari ini.

Masyarakat Bajau pula menamakan gunung itu sebagai 'Belud Nibahu', yang bererti 'Bukit Nibahu'. Orang yang pertama berjaya menemui jalan untuk sampai ke puncak Gunung Kinabalu ialah Gunting Lagadan. Jalan yang dirintisnya itulah yang menjadi lorong yang dilalui oleh pendaki-pendaki gunung tersebut sekarang.

Walau bagaimanapun, orang yang mula-mula mencatatkan pendakiannya ke Gunung Kinabalu ialah Hugh Low, bekas Residen Perak yang pertama pada tahun 1851.

Bagaimanapun Hugh Low tidak berjaya sampai ke puncak. Hanya pada percubaan beliau yang ketiga pada tahun 1885, barulah Hugh Low berjaya sampai ke puncak Gunung Kinabalu. Jadi, puncak itu dinamakan Puncak Low tetapi puncak Gunung Kinabalu yang sebenar belum ditemui.

Orang yang mencipta sejarah sebagai orang yang pertama mendaki dan berjaya berdiri di puncak sebenar Gunung Kinabalu ialah John Whitehead, seorang pakar zoologi berbangsa British pada tahun 1888.

Di sepanjang pendakian ke Gunung Kinabalu, pengunjung dapat melihat sejenis bunga bernama 'Rafflesia', iaitu bunga unik yang tumbuh di atas tanah. Selain itu, bunga yang tidak berdaun dan bertangkai itu juga ialah bunga yang terbesar di dunia.

Di lereng Gunung Kinabalu terdapat rumpun-rumpun bambu yang disebut 'porong' oleh orang-orang Dusun. Rebungnya adalah sebesar betis gajah.



TAMAN NEGARA TUNKU ABDUL RAHMAN

Taman Negara Tunku Abdul Rahman terletak di kaki Gunung Kinabalu, di mana asalnya ialah Taman Negara Kinabalu. Keistimewaan kawasan ini ialah ia merupakan kawasan hutan yang tertua di dunia.

Taman yang merangkumi kawasan daratan dan laut seluas 4,874 hektar itu diwartakan sebagai Taman Negara Sabah pada tahun 1974 bagi melindungi kehijauan semula jadi serta mergastua dan khazanah laut terutamanya karangan laut.

Taman ini merangkumi lima buah pulau iaitu Pulau Gaya (1,466 hektar), Sulung (8 hektar), Manukan (20.4 hektar), Mamutik (4 hektar) dan Sapi (10 hektar). Taman ini terletak di bahagian pantai barat Sabah, kira-kira 20 minit perjalanan dengan bot dari Kota Kinabalu.

Pulau Gaya ialah pulau yang terbesar dengan pantai yang indah, sesuai untuk perkelahan dan perkhemahan serta kawasan hutan yang menakjubkan.

Bagi peminat terumbu karang, Pulau Sapi memberikan kepuasan apabila terumbu karang itu dapat dilihat dengan jelas di gigi pantai.

Pulau Manukan pula dijadikan ibu pejabat taman itu dan menyediakan pelbagai kemudahan kepada pengunjung. Pulau Mamutik pula mempunyai air yang jernih dan membiru serta sesuai untuk menyelam.

Di sekitar Taman Tunku Abdul Rahman ini ditumbuhi oleh pelbagai jenis tumbuhan tropika dan juga jenis-jenis tumbuhan kawasan sederhana dan dingin. Lebih daripada 800 jenis spesies orkid dan 500 jenis burung terdapat di dalam taman ini.

Di sebuah kawasan khas yang dinamakan Kebun Bunga Raya di Jalan Penemuan tersedia lebih daripada 300 jenis anggerik bersama-sama dengan pelbagai jenis paku pakis yang sungguh mempesonakan.



TAMAN PERLINDUNGAN ORANG HUTAN SEPILOK

Taman Perlindungan Orang Hutan Sepilok yang dikendalikan oleh Jabatan Hutan Sabah terletak kira-kira 24 kilometer dari Sandakan. Di sini orang hutan dipelihara dalam keadaan semula jadi. Taman ini terletak dalam keluasan 4,300 hektar dan merupakan pusat pemulihan orang hutan yang terulung di dunia.

Orang hutan adalah antara hidupan yang dikawal di bawah Ordinan Hidupan Liar 1963, Sabah. Mereka yang didapati memelihiara, memburu atau membunuh orang hutan akan didenda sebanyak RM 5,000 atau dipenjara selama 5 tahun.

Rupa orang hutan adalah seperti gorila. Badannya besar dan berbulu lebat. Warna bulunya coklat dan keperang-perangan. Berat badannya kadangkala sampai 100 kilogram. Dipercaya bahawa orang hutan dapat hidup selama 25 hingga 35 tahun.

Dalam jangka masa kehidupannya, seekor orang hutan betina akan melahirkan tiga hingga empat ekor anak.

Pembesaran anak orang hutan agak perlahan iaitu mengambil masa lima hingga tujuh tahun untuk membolehkannya berdikari. Dalam jangka masa tersebut, anak orang hutan itu di bawah jagaan ibunya.

Taman ini dibuka pada tahun 1964. Pusat ini sebenarnya adalah bekas kawasan pembalakan tetapi telah diwartakan sebagai hutan simpan pada tahun 1913.

Selain daripada menjadi pusat pemulihan anak orang hutan terutamanya yang kematian ibu atau terpisah daripada ibu, pusat ini juga turut dijadikan sebagai pusat penyelidikan yang terpenting di dunia bagi mengkaji orang hutan.

Terdapat kira-kira 200 ekor orang hutan yang baru lahir dan yang telah dewasa di taman ini. Kebanyakannya diberi perlindungan dalam suasana semula jadi hutan selepas ditinggalkan ibu mereka akibat pembalakan.

Melalui projek ini, orang hutan dapat dipelihara dan dibiakkan. Kemudian orang hutan itu dilepaskan ke dalam hutan. Dengan cara ini, bilangan orang hutan akan bertambah.

Terdapat dua stesen digunakan untuk menjaga orang hutan. Stesen satu adalah untuk menempatkan orang hutan ketika baru sampai di pusat ini, tidak kira bayi atau dewasa.

Stesen kedua pula terletak 30 minit perjalanan dari stesen satu. Ini adalah untuk menempatkan orang hutan yang sudah dapat menyesuaikan diri selepas menjalani rawatan di stesen satu.

Pengunjung ke pusat ini dinasihatkan agar tidak memegang orang hutan di sini kerana binatang ini mudah mendapat penyakit. Orang hutan akan terkena penyakit melalui virus yang sama menyerang manusia.

Mereka yang mengunjungi pusat ini pada waktu pagi akan berpeluang melihat bayi dan anak orang hutan diberi makan. Jika sampai di sini pada waktu selepas tengah hari, pengunjung akan dapat melihat petugas di pusat ini memberi makan kepada orang hutan dewasa.

Di samping itu, pengunjung juga dapat menambah pengetahuan dalam mengenali pokok-pokok yang terdapat di hutan kerana kebanyakannya pokok-pokok besar lagi tinggi di kawasan hutan ini diletakkan tanda nama.



PULAU MANUKAN

Pulau Manukan mempunyai keistimewaan tersendiri yang dapat memancing pelawat mengunjunginya setiap hari. Pulau Manukan terletak kira-kira 15 kilometer dari bandar Kota Kinabalu dan boleh dihubungi dengan bot penumpang dalam masa kira-kira 30 minit.

Pulau Manukan dikelilingi oleh dua buah pulau berdekatan iaitu Pulau Sapi dan Pulau Memutik. Pulau Manukan bukan sahaja terkenal dengan kawasan pantai yang putih bersih dan keindahan semula jadi yang memikat tetapi kesan-sejarah turut menjadikan pulau ini sentiasa mendapat perhatian.

Kesan sejarah itu membabitkan peninggalan tokoh pahlawan Sabah yang terkenal, Paduka Mat Salleh pada zaman penjajahan Inggeris di Sabah.

Berdasarkan catatan sejarah, Pulau Manukan ialah tempat yang dijadikan kubu oleh Paduka Mat Salleh semasa menentang pihak Inggeris pada sekitar tahun 1894.

Bangunan-bangunan lama yang menjadi benteng pertahanan Pahlawan Mat Salleh daripada buruan penjajah Inggeris di samping butiran-butiran bom yang digunakan dalam perperangan pada masa itu dapat ditemui di pulau ini.

Malah kawasan sekeliling bangunan kubu lama itu kini dibersihkan dan dijadikan bahan perhiasan untuk memperindahkhan pemandangan pulau itu.

Dua butir bom lama yang dipercayai digunakan sewaktu Perang Dunia Kedua yang terletak berhampiran dengan bangunan lama itu turut menjadi tumpuan pelawat yang mengunjungi Pulau Manukan.



KOTA MAT SALLEH

Mat Salleh atau nama sebenarnya Datu Mat Salleh merupakan pejuang Sabah yang terkenal dalam memberi tenterangan yang hebat kepada penjajahan Inggeris di Sabah.

Mat Salleh pernah mengisytiharkan daerah Tambunan atau dalam bahasa Mat Salleh 'Negeri Tambunan' sebagai daerah di bawah kekuasaannya.

Mat Salleh berasal daripada suku Suluk Paitan. Ayahnya, Datu Balu berkahwin di Inanam dengan seorang perempuan suku Bajau. Hasil daripada perkahwinan mereka itu lahirlah empat orang adik-beradik iaitu Ali, Mat Salleh, Badin dan Bolong.

Isteri Mat Salleh bernama Dayang Bandang, berasal daripada keluarga Sultan Sulu dan berkampung di Pengalaban, Paitan. Kota Kampung Tibabar, Tambunan adalah salah sebuah kota utama pertahanan Mat Salleh yang kuat. Kota ini ialah benteng terakhir Mat Salleh dalam usahanya memimpin orang-orang Sabah menentang Inggeris.

Kejatuhan kota ini pada tahun 1900 akibat serangan hebat Kompeni Hindia Timur Inggeris dan berjaya mematahkan pertahanan Mat Salleh. Malah peristiwa itu menandakan gugurnya Mat Salleh sebagai pejuang bangsa.

Datu Mat Salleh mengambil tugas bapanya, Datu Balu sebagai ketua kampung di daerah Lingkabo dan Sungai Sugut. Perbelanjaan pentadbiran Datu Mat Salleh adalah daripada pungutan cukai ke atas pedagang-pedagang yang melalui Sungai Sugut pada tahun 1894.

Inggeris tidak senang dengan tindakan Mat Salleh itu, lalu menyerang Mat Salleh di Jambongan serta memusnahkan kubu Mat Salleh di Sungai Sugut pada tahun 1896 hingga 1897.

Datu Mat Salleh bagaimanapun dapat melepaskan diri. Detik perjuangan Datu Mat Salleh menentang pencerobohan dan keganasan Kompeni Hindia Timur Inggeris bermula pada bulan Julai 1897.

Mat Salleh dan pengikut-pengikutnya menyerang dan membinasakan pejabat Pentadbiran Kompeni Hindia Timur Inggeris di Pulau Gaya. Dalam tahun yang sama juga Mat Salleh menyerang dan membakar Pejabat Residen Kompeni Hindia Timur Inggeris di Ambong.

Pada bulan Disember 1897, Inggeris menyerang kubu Mat Salleh di Ranau. Mereka tewas dan banyak askar Inggeris terbunuuh termasuk Jones yang mengetuai serangan tersebut.

Pada bulan Januari 1898, Inggeris sekali lagi menyerang kubu Mat Salleh di Ranau dengan angkatan yang lebih besar. Mat Salleh berjaya mengundurkan diri dan membina kota pertahanan yang baru, yang lebih kuat dan kukuh di kampung Tibabar, Tambunan.

Kota utama Mat Salleh di Tambunan ini sangat sukar ditembusi. Kota ini diperbuat daripada batu-bata, kayu serta buluh tidak dapat ditembusi peluru.

Setiap penjuru kota dikawal dan terdapat beberapa terowong atau jalan bawah tanah yang rahsia digunakan untuk meminta bantuan-bantuan senjata, makanan dan lain-lain dari luar

kota. Jalan rahsia ini juga dijadikan jalan untuk berundur menyelamatkan diri apabila dikepung musuh.

Kini sebuah tugu dibina oleh Inggeris untuk memperingati kota Mat Salleh itu. Di tugu peringatan itu, tertulis perkataan dalam bahasa Inggeris yang bererti, 'Tugu ini menandakan tapak kubu Mat Salleh yang telah ditawan oleh Pasukan Bersenjata North Borneo Constabulary pada 1 Februari 1900. Dalam masa pertempuran itu, Mat Salleh yang telah mengetuai pemberontakan selama enam tahun menentang Pentadbiran Chartered Company menemui ajalnya'.

Pada pandangan British, Mat Salleh dianggap sebagai seorang pemberontak, tetapi bagi rakyat tempatan, dia ialah pejuang kemerdekaan dan seorang pahlawan.

TAWAU

Tawau ialah daerah yang paling jauh di Sabah. Tawau terletak di bahagian selatan pantai timur yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia. Terdapat tiga buah daerah lain yang termasuk dalam daerah Tawau iaitu Semporna, Kunak dan Lahat Datu.

Mengikut sejarah awal, Tawau diserahkan oleh Sultan Brunei dan Sultan Sulu kepada Baron Von Overbeck, pemerintah Inggeris pada tahun 1877. Namun sempadan asal bagi kawasan yang diserahkan kepada pihak Inggeris adalah di bawah Sungai Sibuko, berdekatan dengan Tarakan.

Ini berlaku kerana Baron Von Overbeck mahu menjaga hati pihak Belanda yang ketika itu sudah menjajah kawasan yang sekarang dikenali sebagai Kalimantan, Indonesia termasuk kawasan Borneo Selatan.

Tawau hanya dibuka pada tahun 1898. Pada tahun 1954, Tawau diisyiharkan sebagai Residensi Tawau. Tawau sebenarnya ialah bandar utama bagi Sabah. Menurut sejarah, bandar

dan daerah ini dipilih oleh Chartered Company untuk dimajukan kerana mempunyai pelabuhan yang baik dan lurah-lurah yang subur.

Residensi Tawau merupakan bandar pelabuhan yang utama di Sabah. Di samping itu, Tawau juga mempunyai tanah yang subur dan sesuai untuk pertanian.

Koko merupakan pertanian utama hingga menjadikan Tawau sebagai pengeluar koko yang terbesar di rantau Asia. Selain daripada koko, tanaman seperti kelapa sawit, lada hitam dan kelapa juga turut diusahakan.

Selain itu, hutan rimba di Tawau juga membekalkan hasil kayu balaknya kepada ekonomi Sabah dan Malaysia. Tawau juga terkenal sebagai kawasan ternakan udang laut yang pertama dan terbesar di Asia Tenggara. Kawasan itu terletak di Umas-umas, kira-kira 81 kilometer dari bandar Tawau.

Penduduk Tawau terdiri daripada berbilang kaum seperti suku kaum Banjar, Iban, Jawa, Bolongan, Kokos, Solok, Bajau, Bugis, Cina dan India.

Tawau juga mempunyai banyak tempat menarik seperti Pantai Tinagat yang terletak di kawasan Batu Payong. Selain keindahan alam semula jadi dengan timbunan batu-batan yang menutupi keseluruhan gigi airnya, tempat ini juga mempunyai sejarahnya sendiri. Selain itu, terdapat juga Taman Bukit Tawau yang dikelilingi hutan hijau dan dihiasi dengan jambatan gantung.



PULAU SILINGAN

Pulau Silingan yang terletak di Sandakan seluas 2.6 kilometer lebih dikenali dengan nama 'Taman Pulau-pulau Penyu'. Ini adalah kerana penyu sering mendarat untuk bertelur.

Pulau Silingan yang letaknya di utara Sandakan dapat dikunjungi dengan menaiki bot sama ada dari Pangkalan Marin atau Kelab Perahu Layar Sandakan meredah Laut Sulu dan mengambil masa kira-kira tiga jam.

Berdekatkan dengan Pulau Silingan, terdapat tiga buah pulau lain yang juga menjadi tempat penyu bertelur, iaitu Pulau Gulisan, Pulau Bakungan Kecil dan Pulau Limbaran.

Keistimewaan pulau-pulau ini adalah kerana pada setiap malam penyu jenis hijau dan penyu belimbing mendarat untuk bertelur di pulau-pulau ini.

Apa yang menarik ialah penyu yang bertelur di Pulau Silingan tanpa mengira musim. Ini membuatkan pengunjung tidak hampa untuk melihat penyu bertelur.

Bagaimanapun telurnya tidak boleh dikutip kerana telur-telur ini dipungut oleh renjer Taman Negara Sabah untuk diramkan di pusat pembiakan penyu di pulau itu.

Selain daripada kawasan pantai yang putih bersih untuk penyu bertelur, terdapat juga keistimewaan lain di pulau itu. Di sini juga terdapat batu karang dan tumbuhan laut. Pulau itu juga ditumbuhi pelbagai jenis pokok dan rumput yang hidup subur menghijau, menyerikan lagi keindahan sekitarnya. Bagi peminat burung, di pulau ini juga terdapat pelbagai jenis burung.



BATU BERUKIR, ULU BEKUKU

Ulu Bekuku terletak kira-kira 62 kilometer dari Pekan Tenom. Di kampung ini terdapat sebuah batu berukir yang mempunyai nilai sejarah.

Batu Berukir ini telah dijumpai oleh penduduk kampung Ulu Bekuku pada awal tahun 1960-an. Batu ini berukuran 8 meter x 4.5 meter dengan ketinggian 4.5 meter.

Di atas bongkah batu ini terdapat pelbagai ukiran yang berkaitan dengan anggota manusia seperti kepala yang mempunyai mata, hidung dan mulut. Batu berukir ini telah diwartakan oleh Muzium Sabah sebagai tempat bersejarah.

Kewujudan batu berukir ini dikaitkan dengan sebuah cerita rakyat tempatan. Menurut cerita, pada masa dahulu, ada seorang penjahat yang bernama Mangkulala. Mangkulala sangat kuat orangnya dan mempunyai kesaktian. Dia memusuhi tujuh orang adik-beradik yang juga tidak kurang kehebatan mereka.

Mangkulala sering memburu tujuh beradik ini. Oleh itu untuk mengelakkan daripada diganggu oleh Mangkulala, mereka telah melarikan diri ke Ulu Bekuku. Mangkulala tidak putus asa, beliau terus memburu tujuh beradik itu.

Setelah beberapa lama mencari, akhirnya Mangkulala bertemu dengan tujuh beradik itu. Mangkulala telah menyumpit Pupusan (adik bongsu) tetapi racun sumpitannya tidak memberi kesan kepada Pupusan. Oleh itu, Mangkulala telah melakukan tipu helah dan mencuri racun sumpitan kepunyaan Pupusan.

Akhirnya racun sumpitan itu berjaya membunuh Pupusan. Sebelum Pupusan mati, dia sempat mencederakan kaki Mangkulala. Mangkulala lari membawa diri ke hutan.

Pada mulanya keenam-enam beradik itu ingin mengebumikan adik mereka di Lumaku tetapi mereka khuatir Mangkulala akan mencari mereka pula.

Akhirnya mereka bersetuju untuk mengebumikan Pupusan di sebuah bukit, Ulu Bekuku. Di atas kubur Pupusan, diletakkan sebuah batu yang besar. Batu itu diukir sebagai tanda kasih sayang serta rasa sedih mereka atas kematian Pupusan.

PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH



Perpustakaan Negeri Sabah

Beg Berkunci 2023,
88999 Kota Kinabalu,
Sabah.

No. Tel: 088-254333, 088-264243, 088-254493
No. Fax: 088-233167
E-mail - sbh.lib.edu.my

Waktu Perkhidmatan:

Perpustakaan Ibu Pejabat/Wilayah Kota Kinabalu	
Isnin - Jumaat	- 9.00 pagi - 9.00 malam
Sabtu	- 9.00 pagi - 5.00 petang
Ahad	- 9.00 pagi - 1.00 petang
Cuti Kelepasan Am	- Tutup

Kakitangan Kanan Perpustakaan Negeri Sabah

Datuk Adeline Leong	- Pengarah
Puan Ku Joo Bee	- Timbalan Pengarah
Encik Wong Vui Yin	- Ketua, Bahagian Sumber Manusia
Puan Flora Fung	- Ketua, Bahagian Perkhidmatan Teknikal
Puan Maria Sinti	- Ketua, Bahagian Perancangan dan Pembangunan
Encik Joe Galasius	- Ketua, Bahagian Automasi
Puan Mary Kinti	- Ketua, Bahagian Pembangunan Koleksi
Encik Sebastian Norman	- Ketua, Bahagian Cawangan dan Luar Bandar
Puan Esther V. Mobilik	- Ketua, Perpustakaan Ibu Pejabat

Sejarah Latar Belakang Perpustakaan Negeri Sabah

- * 1952 - Perpustakaan Awam pertama di Sabah telah ditubuhkan sebagai sebahagian daripada Jabatan Penerangan dan Penyiaran.
- * 1966 - Perpustakaan telah digabungkan dengan Muzium Sabah untuk membentuk Jabatan Perpustakaan dan Muzium.
- * 1972 - Perpustakaan dan Muzium Sabah telah diasingkan dan sebuah Jabatan Perpustakaan telah dibentuk. Jabatan Perpustakaan ini ditadbirkan di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat.

- * 1976 - Pentadbiran Jabatan Perpustakaan dialih ke bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan namanya juga telah ditukar kepada Perpustakaan Negeri Sabah.
- * 1981 - Perpustakaan Negeri Sabah diserahkan kembali ke bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat yang kini telah menukar nama kepada Kementerian Perkhidmatan Sosial.
- * 1987 - Perpustakaan Negeri Sabah telah melangkah ke era teknologi berkomputer.
- * 1988 - Sistem Perpustakaan Berkomputer Perpustakaan Negeri Sabah telah dilancarkan dengan rasminya oleh Yang Berhormat Datuk Aria Tengku Ahmad, Menteri Perkhidmatan Sosial.
- * 1988 - Enakmen Perpustakaan Negeri Sabah telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri. Enakmen ini memberi kuasa kepada Perpustakaan Negeri untuk mendakwa sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang perpustakaan.
- * 1990 - OPAC (Online Public Access Catalogue) telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Allahyarham Datuk Haji Jawawi Haji Isa, Pembantu Menteri Perkhidmatan Sosial.

Setakat ini, Perpustakaan Negeri Sabah mempunyai sebuah Perpustakaan Ibu Pejabat, 3 buah perpustakaan wilayah, 17 buah perpustakaan cawangan, 11 buah perpustakaan bergerak dan 34 buah perpustakaan desa.

YURAN KEAHLIAN DAN DENDA

Perpustakaan Ibu Pejabat dan semua wilayah serta cawangan yang mempunyai bangunan baru mengenakan yuran-yuran seperti berikut:-

Keahlian Perpustakaan

Dewasa.....RM10 untuk 2 tahun

Kanak-kanak.....RM5 untuk 2 tahun

Keahlian Bagi Penggunaan Alat Pandang Dengar

5 tahun - 12 tahun.....RM10 (memerlukan penjamin) setahun
15 tahun ke atas.....RM20 setahun

Keahlian Bagi Penggunaan Koleksi Tanda Merah/Putih

Penuntut Sekolah Menengah - RM1.00 untuk dua tahun

Yuran Denda

Buku lewat dikembalikan

Dewasa.....10 sen untuk sebuah buku sehari

Kanak-kanak.....Dikecualikan

Kaset Audio dan Video

20 sen untuk setiap bahan sehari (Dewasa)

10 sen untuk setiap bahan sehari (Kanak-kanak)

Kad Keahlian Yang Hilang

RM5 untuk setiap kad

PERKHIDMATAN INTERNET**Dewasa****Pelajar**

“Browsing”/Pencarian Maklumat “Browsing”/Pencarian Maklumat

RM6 sejam

RM3 sejam

RM3 untuk 1/2 jam

RM1.50 untuk 1/2 jam

Percetakan**Percetakan**

RM1 untuk muka surat A4

50 sen untuk muka surat A4

Perkhidmatan-Perkhidmatan Di Perpustakaan Negeri Sabah

Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat

Memberikan perkhidmatan rujukan dan maklumat kepada orang awam dengan menyelesaikan pertanyaan rujukan dengan lebih cepat dan berkesan. Koleksi khasnya merupakan sumber maklumat yang utama bagi memenuhi keperluan pengguna.

Perkhidmatan Kanak-kanak

Selain dari kemudahan pinjaman buku, kanak-kanak juga disediakan dengan pelbagai aktiviti tambahan seperti sesi bercerita, tayangan gambar, melukis, kraf tangan dan sebagainya.

Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan

Membantu para pengguna meminjam buku yang tidak terdapat dalam koleksi daripada perpustakaan-perpustakaan yang terlibat dalam kerjasama ini.

Perkhidmatan Pandang Dengar

Menyediakan bahan bukan buku yang berbentuk ilmiah dan hiburan dalam bentuk kaset, pita video dan cakera padat.

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak menyediakan bahan bacaan kepada pengguna luar bandar dan murid-murid sekolah.

Perkhidmatan Perpustakaan Desa

Perkhidmatan Perpustakaan Desa menyediakan bahan-bahan bacaan bagi masyarakat luar bandar di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai perpustakaan cawangan.

Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok

Perpustakaan Negeri Sabah memberi perkhidmatan pinjaman buku berkelompok selama 6 bulan hingga 2 tahun kepada jabatan-jabatan kerajaan dan organisasi-organisasi lain.

Perkhidmatan Maklumat Perniagaan

Perkhidmatan Maklumat Perniagaan (PMP) adalah merupakan perkhidmatan perpustakaan dalam bentuk pengkhususan yang ditujukan kepada golongan perniagaan dan pengusaha industri di Sabah. PMP akan membantu sesebuah syarikat mengesan bahan-bahan seperti berikut:

- bahan-bahan innovatif dan produk-produk baru
- arah industri
- pasaran-pasaran potensi
- kemajuan-kemajuan teknologi
- pembangunan sejagat
- kesan tekanan sosial dan ekonomi terhadap perniagaan anda
- peraturan-peraturan dan perundangan.

ADAKAH ANDA DIKENAKAN BAYARAN UNTUK PERKHIDMATANINI?

Tidak ada bayaran yang akan dikenakan untuk perbincangan pendahuluan atau soalan-soalan yang boleh dijawab dengan fakta cepat seperti alamat sesebuah syarikat atau nama ketua pegawai eksekutif sesebuah syarikat. Walau bagaimanapun bayaran dikenakan untuk pencarian maklumat dan penghantaran dokumen. Bayaran yang dikenakan berbeza dengan kesukaran sesebuah pencarian maklumat dan dibincangkan dengan pelanggan sebelum kerja-kerja pencarian maklumat bermula. Pelanggan dibolehkan untuk menghadkan perbelanjaan secara lebih awal.

Perkhidmatan Tempahan Buku

Membantu para pengguna menempah buku-buku yang diminati seperti buku bukan fiksyen atau buku-buku yang telah diulas oleh pustakawan dan disiarkan melalui akhbar-akhbar tempatan.

Perkhidmatan Untuk Pengguna Cacat Penglihatan

Perpustakaan Negeri Sabah memberi perkhidmatan kepada golongan pengguna cacat penglihatan dengan menyediakan buku-buku 'large print' dan mesin-mesin alat bantu seperti:-

- a) Arkenstone: Mesin yang boleh membaca bahan-bahan bercetak.
- b) Alpha Vision CCTV: Mesin yang boleh membesarkan huruf-huruf cetakan dan boleh dibaca oleh pembaca yang mempunyai tahap kekeburan mencapai darjah 6/18 atau lebih.
- c) Duxbury Braille Translating Machine: Mesin yang boleh mengalihkan bahan bercetak roman ke cetakan braille.

Perkhidmatan INTERNET

Memberikan peluang kepada pengguna untuk mengakses kepada berbagai jenis maklumat yang terdapat di dalam dan luar negara melalui komputer.

**PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH
PERPUSTAKAAN WILAYAH SANDAKAN**



Perpustakaan Negeri Sabah
Perpustakaan Wilayah Sandakan
Jalan Leila,
Bandar Ramai-ramai,
Peti Surat 1339,
90714 Sandakan,
Sabah.

No. Tel: 089-210911, 089-210215, 089-210916
No. Fax: 089-210560

Waktu Perkhidmatan:

Isnin - Khamis	- 9.00 pagi - 6.00 petang
Jumaat	- 9.00 pagi - 9.00 malam
Sabtu	- 9.00 pagi - 5.00 petang
Ahad	- 9.00 pagi - 1.00 petang

BANGUNAN BARU PERPUSTAKAAN WILAYAH SANDAKAN

Bangunan baru Perpustakaan Wilayah Sandakan telah dibina dengan kos sejumlah RM7.9 juta dan dibuka kepada orang awam pada 26 April 1993. Bangunan ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Joseph Pairin Kitingan, Ketua Menteri Sabah pada 21 Disember 1993. Bangunan ini mempunyai keluasan lantai 47,000 kaki persegi dan koleksi buku permulaan berjumlah 82,000 naskhah.

Dengan kenaikan statusnya dari Perpustakaan Cawangan kepada Perpustakaan Wilayah, Perpustakaan Wilayah Sandakan ini akan bertanggungjawab ke atas Perpustakaan Cawangan, Perpustakaan Bergerak dan Perpustakaan Desa dalam Wilayah Sandakan.

**PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH
PERPUSTAKAAN WILAYAH TAWAU**



**Perpustakaan Negeri Sabah
Perpustakaan Wilayah Tawau
Bandar Sabindo,
Peti Surat 775,
91800 Tawau,
Sabah.**

No. Tel: 089-770788, 089-770967
No. Fax: 089-770911

Waktu Perkhidmatan:

Iasnin - Khamis	- 9.00 pagi - 6.00 petang
Jumaat	- 9.00 pagi - 9.00 malam
Sabtu	- 9.00 pagi - 5.00 petang
Ahad	- 9.00 pagi - 1.00 petang

Pemindahan Perpustakaan Tawau telah dijalankan pada bulan Disember dan bangunan baru telah dibuka kepada orang awam mulai 27 Disember 1993. Bangunan bernilai RM11.8 juta ini, mempunyai keluasan lantai 57,000 kaki persegi, lengkap dengan sebuah auditorium yang boleh menampung 418 tempat duduk dan bilik serbaguna dan kantin untuk kemudahan pengguna perpustakaan.

**PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH
PERPUSTAKAAN WILAYAH KENINGAU**



Perpustakaan Negeri Sabah
Perpustakaan Wilayah Keningau
KM 1, Jalan Sekolah Menengah Ken Hwa,
Peti Surat 174,
89008 Keningau, Sabah.
No. Tel: 087-331480, 087-331062
No. Fax: 089-338022

Waktu Perkhidmatan:

Isnin - Jumaat	- 9.00 pagi - 6.00 petang
Sabtu	- 9.00 pagi - 5.00 petang
Ahad	- 9.00 pagi - 1.00 petang

Perpustakaan Wilayah Keningau adalah Perpustakaan Wilayah yang terbesar dibina setakat ini. Keluasan lantai perpustakaan ini adalah 60.000 kaki persegi. Ini termasuk satu auditorium yang boleh menampung 400 orang pada satu masa. Koleksi pembukaan 72,000 naskhah. Perpustakaan ini dibuka kepada orang ramai pada 30 Oktober, 1995 dan dirasmikan pembukaannya oleh Datuk Seri Panglima Joseph Kurup.

PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH CAWANGAN SIPITANG



Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Sipitang
Pekan Sipitang,
Bangunan Tabung Haji,
Peti Surat 45,
89857 Sipitang,
Sabah.

No. Tel: 087-821003, 087-822007
No. Fax: 087-822005

Waktu Perkhidmatan:

Isnin - Jumaat	- 9.00 pagi - 6.00 petang
Sabtu	- 9.00 pagi - 5.00 petang
Ahad	- 9.00 pagi - 1.00 petang

Dengan keluasan 16,000 kaki persegi, Perpustakaan Cawangan Sipitang terletak di Pekan Sipitang, Sipitang. Perpustakaan ini berupaya

menampung 200 pembaca dan dilengkapkan dengan beberapa kemudahan seperti Perkhidmatan Pandang Dengar dan Bilik Serbaguna. Koleksi buku hari pembukaan adalah 40,511 naskhah. Perpustakaan Cawangan Sipitang dibuka untuk orang awam pada 7 Mac, 1994. Perasmian bangunan ini telah dilaksanakan oleh Yang Berhormat Encik Kong Hong Ming, Menteri Perkhidmatan Sosial pada 17 Disember 1994.

PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH CAWANGAN PENAMPANG



Perpustakaan Negeri Sabah

Cawangan Penampang

Jalan Tapikong,

Pekan Baru Donggongan,

Peti Surat 318,

89507 Penampang,

Sabah.

No. Tel: 088-712080, 088-721108

No. Fax: 088-721107

Waktu Perkhidmatan:

Isnin - Jumaat - 9.00 pagi - 6.00 petang

Sabtu - 9.00 pagi - 5.00 petang

Ahad - 9.00 pagi - 1.00 petang

Perpustakaan Cawangan Penampang ditubuhkan sebagai Perpustakaan Cawangan ke-19 pada tahun 1983. Pada tahun 1989 tapak untuk bangunan baru dikenal pasti dan pada 16 April 1991 projek

pembangunan pembinaan Perpustakaan Cawangan Penampang dimulakan. Bangunan yang moden ini mempunyai keluasan 27,366 kaki persegi dan menelan belanja sejumlah RM4.763 juta. Bangunan ini dibuka kepada orang awam pada 28 Mac 1994 dan dirasmikan oleh Menteri Perkhidmatan Sosial Negeri Sabah pada 22 Ogos 1994.

**1. Senarai PERPUSTAKAAN
WILAYAH Negeri Sabah**

1. Perpustakaan Negeri Sabah
Wilayah Sandakan
Jalan Leila, Bandar Ramai-ramai,
Peti Surat 1339,
90714 Sandakan,
Sabah.
No. Telefon: 089-210911
089-210215
089-210916
No. Fax: 089-210560

2. Perpustakaan Negeri Sabah
Wilayah Tawau
Bandar Sabindo.
Peti Surat 775,
91800 Tawau,
Sabah.
No. Telefon: 089-770788
089-770967
No. Fax: 089-770911

3. Perpustakaan Negeri Sabah
Wilayah Keningau
KM1, Jalan Sekolah Menengah
Ken Hwa,
Peti Surat 174,
9008 Keningau,
Sabah.
No. Telefon: 087-331480
087-331062
No. Fax: 089-338022

**2. Senarai PERPUSTAKAAN
CAWANGAN Negeri Sabah (17)**

1. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Beaufort
Tingkat 2 & 3,
Bangunan Tabung Haji,
Peti Surat 174,
89808 Beaufort,
Sabah.
No. Telefon: 087-211736

2. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Kota Belud
Tingkat 1, Lot 3C,
Pekan Baru Kota Belud,
W.D.T 18,
89159 Kota Belud,
Sabah.
No. Telefon: 088-976642

3. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Kota Marudu
Tingkat 1, Lot 8, 9 & 10,
Hazam Industrial Centre,
Peti Surat 92,
89108 Kota Marudu,
Sabah.
No. Telefon: 088-661807

4. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Kuala Penyu
No. 5 & 6 Fasa Satu,
Lot Kedai Kuala Penyu.

- | | |
|---|---|
| Peti Surat 49,
89747 Kuala Penyu,
Sabah.
No. Telefon: 087-884262 | Nabawan,
Peti Surat 73,
89957 Nabawan,
Sabah.
No. Telefon: 087-335210. |
| 5. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Kudat
Tingkat Atas,
Dewan Masyarakat Kudat,
Peti Surat 336,
89058 Kudat,
Sabah.
No. Telefon: 088-691966 | 9. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Papar
Tingkat 1,
Lot 19, 20, 21 & 22,
Bandaran OKK Haji Mahali,
Peti Surat 450,
89608 Papar,
Sabah.
No. Telefon: 087-211736 |
| 6. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Kunak
T.L 32, Tingkat 1,
Kedai Baru Kunak,
Peti Surat 120,
91207 Kunak,
Sabah.
No. Telefon: 089-851248 | 10. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Penampang
Jalan Tapikong,
Pekan Baru Donggongan,
Peti Surat 318,
89507 Penampang,
Sabah.
No. Telefon: 088-712080
088-721108
No. Fax: 088-721107 |
| 7. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Lahad Datu
Tingkat Bawah,
Bangunan Majlis Daerah,
Peti Surat 61154,
91120 Lahad Datu,
Sabah.
No. Telefon: 089-881154 | 11. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Ranau
Tingkat 1, Lot 3 & 4,
Block J, Bangunan SEDCO,
Peti Surat 98,
89308 Ranau,
Sabah.
No. Telefon: 088-875419 |
| 8. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Nabawan
Bekas Bangunan Kebudayaan | |

12. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Semporna
Tingkat 1,
Bangunan Haji Herman,
Peti Surat 450,
91308 Semporna,
Sabah.
No. Telefon: 089-781728
13. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Sipitang
Pekan Sipitang,
Bangunan Tabung Haji,
Peti Surat 45,
89857 Sipitang,
Sabah.
No. Telefon: 087-821003
087-822007
No. Fax: 087-822005
14. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Tambunan.
Kompleks Majlis Daerah,
Bangunan Tabung Haji,
D/A Pejabat Pos,
89650 Tambunan,
Sabah.
No. Telefon: 087-774349
15. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Tamparuli
Bekas Pasar Tamparuli,
W.D.T 55,
89259 Tamparuli,
Sabah.
16. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Tenom
Tingkat 2,
Bangunan Mini Emporium
Peti Surat 148,
89908 Tenom,
Sabah.
No. Telefon: 087-735654
17. Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Tuaran
Bekas Kedai KOJASA,
W.D.T 14,
89209 Tuaran,
Sabah.
No. Telefon: 087-821003
087-822007
3. **Senarai PERPUSTAKAAN DESA**
(34)
1. PD Kg. Kaiduan Papar
D/A Perpustakaan Cawangan,
Peti Surat 450,
89608 Papar,
Sabah.
2. PDK Kg. Klias Kecil Beaufort
D/A Perpustakaan Cawangan,
Peti Surat 174,
89808 Beaufort,
Sabah.

3. PD Pekan Menumbok
D/A Pekan Menumbok,
89760 Menumbok,
Sabah.
4. PD Kg. Napitas Tenghilan
D/A Perpustakaan Cawangan,
W.D.T 55,
89259 Tamparuli,
Sabah.
5. PD Pekan Kiulu
D/A Perpustakaan Cawangan,
W.D.T 55,
89259 Tamparuli,
Sabah.
6. PD Kg. Tamu Darat Kota Belud
D/A Perpustakaan Cawangan,
W.D.T 18,
89159 Kota Kinabalu,
Sabah.
7. PD Kg. Rosok Kota Belud
D/A Perpustakaan Cawangan
W.D.T 18,
89159 Kota Kinabalu,
Sabah.
8. PD Kg. Meligan Sipitang
D/A Perpustakaan Cawangan
Peti Surat 45,
89857 Sipitang,
Sabah.
9. PD Kg. Sokid Bundu Tuhan
P.O. Box 38,
89307 Ranau,
Sabah.
10. PD Kg. Toboh Lama Ranau.
D/A Perpustakaan Cawangan,
Peti Surat 98,
89308 Ranau,
Sabah.
11. PD Kg. Sunsuron Tambunan
D/A Pejabat Daerah,
89650 Tambunan,
Sabah.
12. PD Kg. Salimandut Kota Marudu
D/A Perpustakaan Cawangan,
Peti Surat 92,
89108 Kota Marudu,
Sabah.
13. PD Kg. Kalumpang Pitas
D/A Pejabat Daerah,
89507 Pitas,
Sabah.
14. PD Kg. Gusong Melanta
D/A Perpustakaan Cawangan,
W.D.T 15,
91309 Senipornia,
Sabah.
15. PD. Kg. Kuala Sapi Beluran
Peti Surat 2.

- 90107 Beluran,
Sabah.
- 88572 Kota Kinabalu,
Sabah.
16. PD Pekan Apin-apin Keningau,
D/A Perpustakaan Wilayah,
Peti Surat 174,
89008 Keningau,
Sabah.
22. PD Kg. Telupid Batu 4
D/A Pejabat Daerah Kecil Telupid,
89300 Ranau,
Sabah.
17. PD Kg. Kepayan Baru Keningau
D/A Perpustakaan Wilayah,
Peti Surat 174,
89008 Keningau,
Sabah.
23. PD Kg. Kituntul Ranau
D/A Perpustakaan Cawangan,
Peti Surat 98,
89308 Ranau,
Sabah.
18. PD Kg. Pulong Tenom
D/A Perpustakaan Cawangan,
Peti Surat 148,
89908 Tenom,
Sabah.
24. PD Kg. Bakuku Ulu Tomam
D/A Perpustakaan Desa,
Peti Surat 148,
89908 Tenom,
Sabah.
19. PD Kg. Tangkarason Beluran
D/A Sigo B. Tayan,
Pusat Kesihatan Kawasan,
W.D.T 114,
90009 Sandakan,
Sabah.
25. PD Kg. Bolotikon Papar,
D/A Perpustakaan Cawangan,
Peti Surat 450,
89608 Papar,
Sabah.
20. PD Kg. Sinulihan Baru
D/A Perpustakaan Wilayah,
Peti Surat 174,
89008 Keningau,
Sabah.
26. PD Kg. Karakit Banggi
D/A Pejabat Daerah Kecil,
89050 Banggi,
Sabah.
21. PD Kg. Kokol Manggatal
D/A Perpustakaan Negeri Sabah,
27. PD Kg. Minansad Kota Marudu
Peti Surat 217,
89108 Kota Marudu,
Sabah.

28. PD Pekan Lama Bukit Garam
W.D.T. 23,
90200 Lamag Kinabatangan,
Sabah.
29. PD Kg. Suangpai Kudat
D/A Perpustakaan Cawangan,
Peti Surat 366,
89058 Kudat,
Sabah.
30. PD Kg. Rondonom, Matunggong
D/A Perpustakaan Cawangan,
Peti Surat 36,
Sabah.
31. PD Kg. Lihak-Lihak Semporna
D/A Perpustakaan Cawangan,
Peti Surat 450,
91308 Semporna,
Sabah.
32. PD Kg. Pagalungan Nabawan
D/A Perpustakaan Cawangan,
Peti Surat 73,
89957 Nabawan,
Sabah.
33. PD. Kg. Pantai Emas Kota Belud
D/A Perpustakaan Cawangan,
W.D.T. 18,
89159 Kota Belud,
Sabah.
34. PD Mukim Entilibon Kinabatangan
- D/A Kg. Simpang Entilibon,
W.D.T. 89300 Telupid,
Sabah.
4. **Senarai PANGKALAN
PERPUSTAKAAN BERGERAK
Negeri Sabah (II)**
1. Ketua Pejabat
Perpustakaan Bergerak,
Peti Surat 463,
89808 Beaufort,
Sabah.
2. Ketua Pejabat
Perpustakaan Bergerak,
Peti Surat 61154,
91120 Lahad Datu,
Sabah.
3. Ketua Pejabat
Perpustakaan Bergerak,
Peti Surat 1339,
90714 Wilayah Sandakan,
Sabah.
4. Ketua Pejabat
Perpustakaan Bergerak,
Peti Surat 775,
91008 Wilayah Tawau,
Sabah.
5. Ketua Pejabat
Perpustakaan Bergerak,
Peti Surat 174,

- | | |
|--|--|
| 89008 Wilayah Kinangau,
Sabah. | 9. Ketua Pejabat
Perpustakaan Bergerak,
Peti Surat 98. |
| 6. Ketua Pejabat,
Perpustakaan Bergerak.
Peti Surat 450,
89609 Papar,
Sabah. | 89308 Ranau,
Sabah. |
| 7. Ketua Pejabat
Perpustakaan Bergerak.
Peti Surat 450,
91308 Semporna,
Sabah. | 10. Ketua Pejabat
Perpustakaan Bergerak,
D/A Pejabat Pos,
89650 Tambunan,
Sabah. |
| 8. Ketua Pejabat
Perpustakaan Bergerak,
Peti Surat 336,
89058 Kudat,
Sabah. | |